



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 6 JUN 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CONTOHI PRASARANA JEPUN KAWAL BANJIR TINGKAT PENGELUARAN PADI, NASIOANL, BERITA HARIAN - 14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	31 PETANI JERANTUT TERIMA BANTUAN PERALATAN PERTANIAN, KOMUNITI KITA, UTUSAN MALAYSIA - 24	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	LEPASKAN IKAN PENDATANG: TAK TAHU ATAU BUAT-BUAT TAK TAHU, SUARA SINAR, SINAR HARIAN - 16	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	7 BERSAUDARA TAUKE NANAS MD2, NEGARA, KOSMO - 14	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Contohi prasarana Jepun kawal banjir tingkat pengeluaran padi

Kuala Lumpur: Malaysia boleh mengikut langkah Jepun dalam menyediakan prasarana sistem kawalan banjir mereka untuk membantu usaha negara memperkukuh pengeluaran padi tempatan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata sistem kawalan banjir di negara berkenaan yang sangat efisien, boleh disesuaikan dengan persekitaran di Malaysia.

"Saya percaya, banyak perkara yang boleh kita pelajari dan sesuaikan dengan keadaan di Malaysia antaranya sistem kawalan banjir mereka yang sangat efisien.

"Insya-Allah, teknologi seperti ini boleh kita manfaatkan dalam usaha memperkukuh pengeluaran padi tempatan yang kini berada pada tahap sekitar 60 peratus dari keperluan sebenar negara," katanya menerusi Facebook beliau semalam.

Mohamad kini dalam siri lawatan kerja ke Jepun bagi memperluas kerjasama dalam sektor pertanian di antara dua negara, selain mengadakan perjumpaan dengan peserta industri pertanian di sana.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, beliau amat tertarik dengan pendekatan moden dan



Mohamad mencuba mesin menanam padi tanpa kawalan pemandu ketika lawatan ke Jepun.

(Foto Facebook Mohamad Sabu)

penggunaan teknologi tinggi dalam bidang pertanian di Jepun, termasuk mesin penanam padi tanpa pemandu yang berasaskan teknologi maklumat (IT).

"Ini contoh terbaik bagaimana pertanian boleh dipermodenkan bagi menangani isu kekurangan tenaga kerja dan perubahan iklim," katanya.

Dalam kunjungan ke kawasan

penanaman padi di Echizen, Jepun itu, beliau menyatakan sempat bertemu anak Malaysia yang sudah bekerja di syarikat pertanian di sini selama tiga tahun.

"Ini membuktikan bahawa anak-anak kita juga mampu menguasai teknologi dan bidang pertanian bertaraf antarabangsa.

"Lawatan ini memberi banyak input yang sangat berguna khu-

susnya dalam usaha kita meningkatkan pengeluaran padi negara dan memperkukuh keselamatan makanan," katanya.

Selain melawat kawasan penanaman padi, beliau mengadakan perjumpaan bagi mengukuhkan kerjasama dua hala dengan Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun, Koizumi Shinjiro di Tokyo.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2025	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	14



31 petani Jerantut terima bantuan peralatan pertanian

SERAMAI 31 petani dari enam mukim di daerah ini menerima bantuan peralatan pertanian dalam satu majlis penyampaian insentif di Pejabat Pertanian Daerah Jerantut, baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri Lantikan, Haris Salleh Hamzah berkata, bantuan itu sebagai penghargaan kepada usaha gigih petani yang terlibat dalam pelbagai projek seperti tanaman jangka panjang (durian, cempedak), tanaman jangka pendek (jagung, pisang), sistem fertigasi moden, program pesawah luar jelapang, serta projek herba, kopi dan makanan ternakan.

Usaha ini seiring dengan hasrat kerajaan negeri membangunkan

sektor pertanian komersial dan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

Inisiatif ini hasil bimbingan Pegawai Pertanian Jerantut, Rafeah Rabiatus Othman dan pasukannya yang aktif membangunkan pertanian sebagai perniagaan.

Majlis turut menyaksikan penyampaian jentera menanam dan pelbagai peralatan lain kepada penerima.

■ HARIS Salleh Hamzah (tengah) menyampaikan peralatan pertanian kepada petani di Pejabat Pertanian Jerantut, Jerantut, Pahang baru-baru ini. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2025	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	6



Lepaskan ikan pendatang: Tak tahu atau buat-buat tak tahu?

USAHA murni sebilangan pihak menyelamatkan ikan asli tempatan daripada ancaman ikan pendatang patut diberi pujian.

Mereka ibarat hero tidak didendang apabila bersusah payah menuju ke ceruk sungai bagi 'memburu' spesies asing seperti ikan bandaraya, patin siam dan keli Afrika.

Difahamkan, ikan bandaraya atau pleco yang popular dalam industri ikan hiasan merupakan spesies invasif 'paling berjaya' berkembang di perairan kita se-

hingga mengancam habitat ikan asli. Merak Jalanan sendiri pernah melihat saiz mega bagi spesies asing ini selepas ditangkap dari dalam sungai.

Melihat kepada kesungguhan mereka, Merak Jalanan kecewa dengan tindakan sesetengah pihak yang memandang enteng apabila melepaskan ikan asing di sungai tanpa merujuk Jabatan Perikanan Malaysia (DOF).

Tahun lalu, patin siam dilepaskan untuk program memancing dalam Tasik Bandaraya Shah Alam. Terbaharu, di-

anggarkan sejumlah 1,300 ekor keli Afrika dengan berat 2,000 kilogram (kg) dilepaskan ke dalam Tasik MAEPS. Serdang juga untuk program pertanding-an memancing.

Umum mengetahui, melepaskan spesies ikan asing ke sungai atau tasik dengan apa sekali alasan adalah tidak dibenarkan. Ikan asing bersifat pelanah ini akan mengganggu ekosistem sungai air tawar dengan memakan ikan tempatan.

Pelbagai program dan kempen kesedaran juga sudah dilakukan DOF ber-

sama pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Merak Jalanan tak pasti, mereka yang melepaskan ikan asing ke sungai ini tak tahu, atau sengaja buat-buat tak tahu.

Bayangkan jika tiada siapa peduli masalah ini, apa akan jadi dengan sum-ber ikan tempatan? Tidak mustahil akan terus lenyap pada masa akan datang.

Sebab itu Merak Jalanan tabik ke-pada kumpulan NGO yang aktif menjaga ikan asing di sungai air tawar negara dalam usaha memulihara ikan asli dan ekosistem akuatik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2025	KOSMO	NEGARA	14

YUS AFFAIZAL (kanan) menunjukkan cara menanam nanas semasa program Jelajah Orang Johor (JOJ) di kebun nanasnya Kampung Parit Haji Abd. Karim, di Pontian, Johor.



7 bersaudara tauke nanas MD2

PONTIAN – Berpegang kepada amanah dan legasi yang ditinggalkan Allahyarham Yusof Samingan agar anak-anaknya berbakti kepada tanah menjadi titik tolak kepada penubuhan ladang nanas MD2 Yus Bersaudara sejak 2020.

Ketua projek, Yus Affaizal Yusof, 39, berkata, tanah seluas lebih satu hektar itu kini digunakan untuk tanaman varieti nanas premium MD2 melibatkan 14,000 pokok dan telah mula mengeluarkan hasil sejak awal tahun ini.

Selain Yus Affaizal, ladang tersebut turut dibangunkan bersama adik-beradiknya yang lain iaitu Yusindra, 43, Yus Bakhtiar, 41, Yus Iqbal, 36, Siti

Kamalia, 35, Yus Azizul Hakim, 31, dan Yus Azizul Naim, 28.

"Tanah ini dahulunya ditanam dengan nanas, kemudian ditukar kepada kelapa sawit. Setelah proses pembahagian pusaka, tanah ini diserahkan kepada arwah ayah, dan beliau berpesan agar kami teruskan tanaman nanas di atas tanah sendiri, bukan menumpang tanah keluarga seperti sebelum ini," katanya ketika ditemui pada program Jelajah Orang Johor (JOJ) bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Sebatang di Kampung Parit Haji Abd. Karim, baru-baru ini.

Tambah beliau, mereka memilih varieti MD2 kerana permintaan pasaran yang tinggi

dan penjualan dilakukan secara terus kepada pelanggan dalam bentuk buah segar serta benih (sulur).

"Alhamdulillah, usaha kami mulai menampakkan hasil. Untuk tanaman 0.4 hektar dengan kepadatan 14,000 pokok, kami berjaya memperoleh pulangan sehingga RM80,000 dalam masa setahun hasil gabungan jualan buah dan benih MD2," ujar Yus Affaizal.

Menurutnya, kos permulaan bagi menukar tanaman sawit kepada nanas mencecah lebih RM10,000 melibatkan kerja-kerja pembersihan tapak serta sistem saliran dan ia tidak termasuk kos pembelian sulur nanas.